

# Ketua Pemuda: 4 tokoh dicalonkan

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Empat tokoh setakat ini dicalonkan oleh beberapa bahagian Pergerakan Pemuda UMNO untuk bertanding merebut jawatan ketua pergerakan itu.

Mereka ialah ketua sekarang, Datuk Haji Suhalmi bin Datuk Kamaruddin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim dan bekas pemimpin ABIM, Encik Anwar Ibrahim.

Keempat calon tersebut bagaimanapun belum memberi kata putus sama ada akan bertanding atau tidak.

Datuk Haji Suhalmi yang juga Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri berkata, beliau akan bertanding setelah mengkaji perkembangan dan kehendak anggota pemuda.

Beliau yang memenangi jawatan tersebut pada tahun 1978

dan 1980. Pada tahun 1978 beliau mengalahkan Datuk Syed Nahar Shahabuddin, Menteri Besar Kedah dan pada tahun 1980 pula mengalahkan bapa saudaranya sendiri, Datuk Harun bin Haji Idris yang ketika itu menjalani hukuman penjara.

## Meninjau

Datuk Harun kini memegang jawatan Naib Presiden UMNO.

Bagaimanapun Berita Harian difahamkan Datuk Haji Suhalmi pasti akan mempertahankan kedudukannya memandangkan beliau telah membuktikan kewibawaannya semasa memimpinnya.

Datuk Mokhtar yang juga Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO walaupun sudah mula berkempen secara senyap-senyap tetapi masih tetap tidak mahu mengulas perkara tersebut.

Belum sampai masa saya membuat

keputusan mengenai perkara tersebut," katanya.

Datuk Rais pula ingin meninjau perkembangan dalam Pergerakan Pemuda UMNO pada keseluruhannya.

Katanya, "Berikan saya peluang mengkaji kesemua aspek dahulu sama ada pimpinan saya diperlukan atau tidak."

Encik Anwar pula menyatakan beliau tidak dapat memberi kata putus tetapi dalam perkara ini katanya, "Saya lebih bertolak ansur dan terserah kepada anggota Pemuda UMNO untuk membuat keputusan."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia